

TAZKIRAH

Hakikat Tudung

(Dialog antara seorang gadis remaja dan muslimah dewasa)

Annisa : Selama ini ibu selalu menyuruh saya memakai tudung tapi saya selalu menolak kerana saya rasa tak ada masalah kalau saya tak pakai tudung asalkan saya berkelakuan baik. Saya tengok, ramai wanita yang pakai tudung tapi kelakuannya melebihi kami yang tak pakai, sampaikan saya tak pernah rasa nak pakai tudung. Pendapat makcik bagaimana ?

Makcik : Annisa, sesungguhnya Allah SWT menjadikan seluruh tubuh wanita ini perhiasan dari hujung rambut hingga hujung kaki, segala sesuatu dari tubuh kita yang terlihat oleh bukan mahram kita semuanya akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT nanti dan tudung adalah perlindungan untuk wanita.

Annisa : Tapi yang saya tengok, banyak wanita bertudung yang kelakuannya tak elok.

Makcik : Tudung hanyalah kain, tapi hakikat atau makna disebalik tudung itu sendiri yang harus kita fahami...

Annisa : Apakah hakikat tudung?

Makcik : Hakikat tudung adalah perlindungan zahir batin, lindungi mata kamu dari memandang lelaki yang bukan muhrum kamu, lindungi lidah kamu dari mengumpat orang dan bercakap perkara yang sia-sia. Lazimilah lidah dengan zikir kepada Allah swt. Lindungi telinga kamu dari mendengar perkara yang mengundang mudharat baik untuk dirimu mahupun masyarakat.

Lindungi hidungmu dari mencium segala yang berbau busuk, lindungi tangan-tangan kamu dari berbuat sesuatu yang tidak senonoh, lindungi kaki kamu dari melangkah menuju maksiat, lindungi fikiran kamu dari berfikir perkara yang mengundang syaitan untuk memperdayai nafsu kamu, lindungi hati kamu dari sesuatu selain Allah swt, bila kamu sudah biasa, maka tudung yang kamu pakai akan menyinari hati kamu. Itulah hakikat tudung.

Annisa: Makcik, sekarang sudah jelas tentang erti tudung, mudah-mudahan saya mampu pakai tudung. Tapi, macamana saya nak buat semua tu?

Makcik : Duhai nisa, bila kamu memakai tudung, itulah rahmat yang datang dari Allah swt yang Maha Pemberi Rahmat, apabila kamu mensyukuri rahmat itu, kamu akan diberi kekuatan untuk melaksanakan amalan-amalan 'tudung' hingga mencapai kesempurnaan yang diinginkan Allah swt.

Duhai Nisa, ingatlah akan satu hari seluruh manusia akan dibangkitkan. Ketika ditiup sangkakala yang kedua, pada saat roh-roh manusia seperti anai-anai yang bertebaran dan dikumpulkan dalam satu padang yang tiada batas, tiada rumput mahupun tumbuhan.

Seluruh manusia ketakutan, ibu tidak mempedulikan anaknya, anak tidak mempedulikan ibunya, sanak-saudara tidak kenal satu sama lain lagi, manusia berbaris dengan barisan yang panjang, masing masing hanya mempedulikan nasib dirinya, ada yang berpeluh kerana rasa takut yang luar biasa hingga tenggelam dirinya akibat peluh yang banyak, dan bermacam macam rupa-rupa bentuk manusia yang tergantung amalannya.

Ada yang melihat ketika hidupnya tetapi buta ketika dibangkitkan, ada yang berbentuk seperti haiwan, ada yang seperti syaitan, semuanya menangis, menangis kerana hari itu Allah swt murka. Belum pernah Allah swt murka sebelum dan sesudah hari itu. Hingga ribuan tahun manusia dibiarkan Allah swt di padang mahsyar yang panas membara hinggalah sampai ke timbangan mizan. Hari itulah dipanggil hari hisab.

Duhai Annisa, bila kita tidak berusaha untuk beramal pada hari ini, entah dengan apa nanti kita akan menjawab bila kita ditanya oleh Yang Maha Perkasa, Yang Maha Besar, Yang Maha Kuat, Yang Maha Agung. . . Allah swt.